

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

5. Sila nyatakan berapakah jumlah pusat siber kafe yang beroperasi secara sah di setiap PBT. Apakah langkah atau dasar yang diambil terhadap pengawalan dan pemantauan pusat siber kafe?.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Jumlah Pusat Siber Kafe yang beroperasi secara sah (berlesen) di Pulau Pinang adalah sebanyak 84 buah iaitu 4 buah di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) manakala di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai adalah sebanyak 80 buah. Perincian jumlah Pusat Siber Kafe bagi kedua-dua PBT mengikut daerah adalah seperti di jadual :-

<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah</b>
Majlis Bandaraya Pulau Pinang	Barat Daya	3
	Timur Laut	1
Majlis Bandaraya Seberang Perai	Seberang Perai Utara	35
	Seberang Perai Tengah	34
	Seberang Perai Selatan	11
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>84</b>

Langkah-langkah pengawalan dan pemantauan pusat-pusat siber kafe yang dijalankan oleh PBT di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Mengenakan syarat pelesenan khas kepada pusat siber kafe yang berlesen seperti mengeluarkan permit terhad iaitu satu permit untuk tempoh 4 bulan dan pengusaha perlu membuat pembaharuan lesen setelah permit tamat;
- (ii) Membuat pemantauan dan pemeriksaan berjadual berhubung pematuhan syarat-syarat pelesenan di pusat siber kafe yang berlesen;
- (iii) Menghadkan aktiviti pengoperasian siber kafe sehingga jam 12 tengah malam; dan
- (iv) Sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap peraturan-peraturan yang ditetapkan, PBT akan mengambil tindakan seperti mengeluarkan Notis Tawaran Kompaun dan notis-notis berkaitan terhadap pemilik pusat siber kafe tersebut.